

Case Tracking ID: AVB-PYW-7MEZ

Malay [Jabatan Perkhidmatan Awam](#) > [Sistem Maklum Balas JPA](#) > Tiket anda**WARAN PERJALANAN UDARA - PESAKIT**

Tracking ID: AVB-PYW-7MEZ (Nombor Tiket: 34795)  
 Status tiket: **Selesai** [[Open ticket](#)]  
 Dihantar pada: 11-11-2015 12:34:33  
 Kemaskini: 18-11-2015 16:27:17  
 Balasan terakhir: Razali bin Sidek (BS)  
 Kategori: Kemudahan Cuti / Perubatan  
 Balasan: 3

Tarikh: 11-11-2015 12:34:33  
 Nama: Abg Abd Mohd Rizal  
 E-mel: abang (at) anm (dot) gov (dot) my  
 Saluran Aduan:  
 Klasifikasi: Pertanyaan  
 Kementerian:  
 Jenis Perhubungan:  
 No. Kad Pengenalan: 760830135855  
 No. Telefon / Bimbit: 0198881081

**Mesej:**

Jika pegawai kerajaan mengiringi pesakit ke luar stesen, adakah Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) boleh dikeluarkan atau pegawai perlu membayar terlebih dahulu barulah boleh menuntut. Adakah juga WPUA boleh dikeluarkan untuk pesakit (ahli keluarga) - contohnya anak pegawai

Tarikh: 12-11-2015 12:23:06  
 Nama: Farah Hanani binti Samsuddin(BS)

**Mesej:**

Salam sejahtera,  
 Pertanyaan tuan/ puan sedang dalam penelitian dan maklumbalas akan dikemukakan kepada pihak tuan/ puan selepas semakan dibuat.  
 Sekian, Terima kasih  
 Bahagian Saraan  
 Jabatan Perkhidmatan Awam  
 Farah Hanani binti Samsuddin  
[farah.samsuddin.jpa@1govuc.gov.my](mailto:farah.samsuddin.jpa@1govuc.gov.my)

*Was this reply helpful? [ya](#) / [tidak](#)*

Tarikh: 12-11-2015 12:41:15  
 Nama: Abg Abd Mohd Rizal

**Mesej:**

Terima kasih atas maklumbalas, Saya akan menunggu maklumbalas dari pihak tuan untuk diedarkan ke Jabatan-Jabatan Kerajaan di Bintulu

Tarikh: 18-11-2015 16:17:22  
 Nama: Razali bin Sidek (BS)

**Mesej:**

Jawapan:  
 Assalamualaikum En. Abg Abd,  
 Dengan hormatnya saya merujuk kepada pertanyaan tuan melalui tiket No. AVB-PYW-7MEZ bertarikh 11 November 2015 berhubung dengan kemudahan Rawatan Luar Stesen.  
 2. Seperti dijelaskan dalam perenggan 42 (a) Perintah Am Bab B, Rawatan Luar Stesen hanya boleh dilakukan apabila seseorang Pegawai Perubatan mengesahkan bahawa pegawai atau keluarganya memerlukan rawatan atau nasihat perubatan yang tidak boleh diperolehi di tempat atau stesen pegawai bertugas. Tuntutan bagi Rawatan Luar Stesen tidak boleh dibuat sekiranya tidak mendapat pengesahan dari Pegawai Perubatan di stesen tempat pegawai bertugas.  
 3. Oleh kerana mendapatkan Rawatan Luar Stesen tersebut adalah dianggap seolah-olah seperti menjalankan tugas rasmi maka seperti yang dijelaskan dalam perenggan 3, Pekeliling Perbendaharaan W.P 1.4/2013, adalah menjadi tanggung jawab Ketua Jabatan untuk menentukan agar tuntutan yang dikemukakan adalah teratur, munasabah dan berpatutan. Jabatan ini tiada halangan dengan kaedah pembayaran sama ada melalui Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) atau dengan cara tuntutan (bayaran balik), tertakluk kepada peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa bagi tuntutan Elaun-elaun kerana bertugas rasmi. Walau bagaimanapun perlu dijelaskan bahawa tuntutan bagi Rawatan Luar Stesen ini adalah tertakluk kepada 5 hari sahaja bagi setiap kali rujukan rawatan.

Sekian, terima kasih.

**BAHAGIAN SARAAN**  
**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**

Nota: Maklum balas yang dikemukakan ini hanya terpakai untuk persoalan yang dibangkitkan sahaja. Pihak JPA tidak bertanggungjawab terhadap penyebaran maklumat berhubung maklum balas yang dikemukakan bagi kegunaan/ kepentingan pihak lain.

*Rated as helpful*